

TINTA KETUA PENGARANG

Assalamualaikum!

Puja dan puji sebanyak-banyaknya, mewakili rasa syukur melaut atas setiap inci nikmat hidup dan Islam yang Allah limpahkan kepada kita sehingga ke saat ini.



Sidang pembaca budiman, kali ini Suara Masjid berwajah baharu. Kami melangkah bersama-sama ke gerbang digital, supaya berdiri kami sama tinggi dalam usaha kecil menyampaikan dakwah dan risalah ini.

Mahu tidak mahu, kita mesti menggunakan semua kemajuan dalam teknologi ini sebagai medium untuk kita mengenalkan Islam sebagai agama yang cintakan kedamaian dan keharmonian.

Islam tidak datang untuk membenci dan menjauhkan. Islam datang untuk memberitahu bahawa kasih sayang Allah itu seluas langit dan bumi.

Bertitik-tolak dari inilah, saya mengajak kita semua untuk sama-sama mendokong aspirasi besar yang Allah dan Rasul mahukan supaya perjalanan panjang pendek kita di dunia ini, berakhir dengan keredaan Allah di hujungnya.

Selamat membaca!

Hajjah Hakimah Mohd Yusoff

سُورَةُ الْمَائِدَةِ

S U A R A M A S J I D
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



RAHMATILAH KAMI DENGAN HUJAN

TEGURAN Allah buat kita manusia yang sentiasa alpa dan leka. Ujian dan cubaan Allah berupa cuaca panas dan kering berpanjangan memberikan kesan langsung kepada seluruh kehidupan makhluk menjadikan asbab kita menginsafi nikmat kumiaan Allah SWT kita justeru bermuhasabah diri dan memohon ampun kepada Allah SWT atas kelalaian manusia terhadap perintah Allah SWT.

Justeru, Masjid Negara telah menganjurkan Solat Sunat Istisqa' yang berlangsung pada Selasa, 19 April 2016 yang diimamkan oleh YBhg. Ustaz Khisamudin bin Ismail, Imam Masjid Negara. Dalam khutbah, khatib menyeru agar memohon ampun dan bertaqwa

kepada Allah. Khatib juga menceritakan contoh ujian Allah pada zaman Nabi Yusuf di mana 7 tahun yang pertama adalah musim subur dan 7 tahun berikutnya adalah musim kemarau. Kekuasaan Allah ini jelas menunjukkan bahawa Allah berkuasa ke atas setiap sesuatu dan ia juga merupakan teguran dari Allah supaya kita kembali menjadi umat yang bertaqwa justeru menghargai dan menguruskan alam dengan sebaiknya.

Solat sunat ini dihadiri kira-kira 300 jamaah dan mendapat liputan media dari TV Al-Hijrah, Media Prima dan RTM. Justeru marilah kita sama-sama berdoa agar Allah menurunkan

hujan dan rahmat agar bumi subur kembali.



DZN KE MASJID PUTRA

MASJID PUTRA telah menerima kunjungan ikon pendakwah antarabangsa terkenal, Dr. Zakir Naik pada 15 April 2016 (Jumaat) baru-baru ini dan turut menunaikan Solat Jumaat bersama hampir 10,000 orang jamaah.

Turut hadir ketika itu ialah YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Ketibaan Dr. Zakir Naik

pada jam 1 tengahari telah disambut YB Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom, Menteri di JPM, YBhg. Dato' Haji Razali bin Shahabudin, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) diiringi YBhg. Datuk Hj. Abd. Manaf Mat, Imam Besar Masjid Putra, Putrajaya serta pegawai-pegawai kanan masjid.



Dr. Zakir Naik meninggalkan perkarangan masjid jam 2.45 petang.

PENAUNG

Dato' Haji Othman bin Mustapha
Ketua Pengarah

PENASIHAT

Haji Mohd Nordin binti Ibrahim
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)

KETUA PENGARANG

Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff
Pengarang Bahagian Kemajuan Islam

TIMBALAN KETUA PENGARANG

Hazizah binti Yusoff

PENGARANG

Suzana binti Haji Mohamed Ali

SIDANG PENGARANG

Amru Alhaz bin Adnan
Masjid Negara
Lukman bin Mohd Hosni
Masjid Putra
Mohd Nordin bin Samah
Masjid Putra
Hamdan bin Muhammad
Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin
Shah Azri bin Ahmad
Masjid Negara

Azmuddin bin Ariffin

Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin
Zubidah binti Ali
Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin

EDARAN

Ahmad Mustaqeem Aminuddin Mohd Nor

Buletin Suara Masjid diterbitkan oleh
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
untuk edaran Masjid Negara, Masjid Putra
dan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin.

Laman Web dan Emel:

Masjid Negara: www.masjidnegara.gov.my
Emel: suaramasjid@masjidnegara.gov.my

Masjid Putra:

www.masjidputra.gov.my

Emel:

admin@masjidputra.gov.my

Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin:

www.masjidtuankumizan.gov.my

Emel:

admin@masjidtuankumizan.gov.my



Doa Mohon Hujan

Ya Allah, berilah kepada kami cucuran dengan hujan yang lebat dan menyeleruh.

Ya Allah! Siramilah kami dengan hujan dan janganlah jadikan kami orang-orang yang berputus asa.

Ya Allah, jauhkanlah hamba-Mu, negeri, binatang ternak dan semua makhluk dari kehidupan yang dalam kesempitan dan kesukaran.

Tiada tempat untuk kami mengadu selain kepada-Mu.

Ya Allah! Tumbuhkanlah kepada kami tanaman dan lenyapkanlah dari kami segala kelemahan.

Curahkanlah kepada kami berkat dari langit dan tumbuhkanlah kepada kami berkat dari bumi.

Ya Allah, lenyapkanlah dari kami bala dan bencana. Tiada yang dapat menyingkirkannya melainkan Dikau.

Ya Allah! Kami mohon keampunan-Mu.

Sesungguhnya Dikau adalah Tuhan yang Maha Pengampun, maka turunkanlah hujan yang lebat dari langit-Mu.

Ya Allah, berilah minuman kepada hamba-hamba-Mu dan binatang ternakan. Sebarkanlah rahmat-Mu dan hidupkanlah negeri-Mu yang mati.

Petikan Khutbah Solat Sunat Istisqa' yang dibacakan pada 19 April 2016 di Masjid-masjid Utama Jakim.

RATIBKAN ISTIGHFAR

Oleh Suzana binti Mohamed Ali

Mutakhir ini kita menyaksikan siri-siri ujian dalam bentuk peringatan alam yang Allah hadapkan secara langsung kepada kita terutamanya di Malaysia.

Teguran langsung sebegini sudah memadai untuk kita menelek diri sendiri dan menyedari khilaf. Sudah Allah anugerahkan kepada kita al-Quran yang cukup lengkap untuk kita teliti sampai kita mati nanti.

Meladeni kisah Nabi Adam yang terbuang dari syurga. Nabi Adam tidak temgadah meratap. Bahkan Nabi Adam meratib memohon ampun daripada Allah.

Ratib istighfar Nabi Adam ini Allah abadikan dalam al-Quran pada ayat 23 surah al-A'araf.

فَالَا رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنفُسَنَا وَإِن لَّمْ تَنصُرْنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ

Keduanya berkata: "Ya Tuhan kami, kami telah menganiaya diri kami sendiri, dan jika Engkau tidak mengampuni kami dan memberi rahmat kepada kami, nescaya pastilah kami termasuk orang-orang yang merugi".

Apabila kita selesai solat, doa ini boleh diamalkan. Kita berdoa dengan sepenuh hati, supaya Allah ampunkan dosa kita dan kembalikan rahmat-Nya. Mana tahu, ada antara kita yang berdoa itu Allah mendengar doanya dan memakbulkannya.

Dalam ramai-ramai kita pasti ada ibu

yang doanya sangat mustajab, atau insan yang dizalimi, atau kita yang sedang sakit, atau paling tidak kita ini dalam musafir, yang doa kita diaminkan oleh para malaikat.

Allah juga firmankan dalam surah al-Anbiya' ayat 87 istighfar Nabi Yunus ketika dalam perut ikan nun yang boleh kita jadikan doa:

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ
"Tiada Tuhan melainkan Engkau (ya Allah)! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya, tolongkanlah daku)! Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri".

Ampunkan kami ya Allah!

Solat Sunat Istisqa pada 19 April 2016 di Masjid Putra dan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya



Masjid Putra menyahut seruan KP Jakim untuk mengadakan Solat Sunat Istisqa' (Solat Minta Hujan) pada 19 April 2016 (Selasa) selepas solat Zohor yang telah diimamkan oleh Imam Besar Masjid Putra, Datuk Haji Abd Manaf bin Haji Mat.

Seramai kira-kira 250 jemaah menyertai solat sunat. Turut sama kelihatan YB Mejar Jen-

eral (B) Datuk Seri Jamil Khir Baharom, Menteri di JPM dan Datuk Haji Mohamad Nordin Ibrahim. Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin pula, solat tersebut telah diimamkan oleh Ustaz Hamdan bin Muhammad.

Imam MTMZA ini turut menyata-

kan fadilat bahawa selain memohon keampunan dari-Nya, solat ini sangat dituntut untuk dilakukan di tempat yang telah lama mengalami kemarau, musim kering, berjerebu dan kesukaran memperoleh sumber air.

Fenomena ini boleh menjejaskan kesihatan, selain mengakibatkan tanaman mati dan binatang temakan kebuluran.



Program MTQHA Jakim Dapat Pengiktirafan Antarabangsa

"Ini adalah pengiktirafan tertinggi yang tidak dijangka kerana kita hanya ingin menganjurkannya secara yang terbaik tanpa mengetahui ada wakil daripada negara luar yang memerhati dan menilai apa yang dilakukan," Ketua Pengarah Jakim dipetik menyatakan perkara ini selepas Jakim melalui Majlis Tilawah al-Quran dan Hafazan Peringkat Antarabangsa (MTQHA) menerima pengiktirafan Anugerah Penganjuran Program al-Quran

Terbaik dari Kuwait. Anugerah tersebut diumumkan dalam Musabaqah Tahfiz, Tilawah dan Qiraat al-Quran Peringkat Antarabangsa Kuwait kali Ke-7 yang berlangsung pada 13 hingga 20 April di Istana Bayan.

Menurut Dato' Othman Mustapha yang mewakili Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom

untuk menerima anugerah berkenaan bagi pihak kerajaan Malaysia, pemilihan itu dibuat berdasarkan kaedah atau sistem penghakiman dan pemarkahan yang digunakan yang kini turut menjadi penanda aras kepada negara lain.

Penganjuran Majlis Tilawah al-Quran ini telah dimulakan sejak tahun 1961 lagi.

- Foto: Facebook Majlis Tilawah Al-Quran Malaysia

Majlis Tilawah Al-Quran Malaysia
April 24 at 12:03pm - 18

Alhamdulillah. MTHQA Malaysia diiktiraf terbaik.

Majlis tilawah, Menghafaz al-Quran JAKIM diiktiraf antarabangsa

SEPAJANG: Majlis Tilawah dan Menghafaz al-Quran Peringkat Antarabangsa anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) diiktiraf di peringkat antarabangsa...

WWW.BHARIAN.COM.MY

MASJID NEGARA

LATIH ANAK SOLAT
11-13 Mac 2016, Kuala Lumpur - Musim cuti sekolah tidak terbuang begitu sahaja apabila Masjid Negara mengambil inisiatif meneruskan Kem Ibadah Kanak-kanak (SMART Solat). Kem ini dibuka untuk anak-anak berusia dari 9 hingga 12 tahun.



BICARA MUFTI
25 Mac 2016 - Program menelaah kitab Bahtera Penyelamat yang disampaikan oleh Mufti

Wilayah Persekutuan, SS Dato' Dr. Zulkifli Muhammad al-Bakri diteruskan dalam Bicara Mufti Sin 3/2016. Penjawat awam dari pelbagai agensi-agensi telah hadir penuh komited ke majlis ilmu ini.



DARI MASJID NEGARA KE JOHOR BHARU

28-30 Mac, Johor Bahru - Bukan senang untuk warga imam dan kakitangan Masjid Negara mendapat peluang menjenguk saudara seakidah kita di Johor. Kembara kali ini yang diketuai oleh Timbalan Imam Besar, Tuan Haji Yusoff bin Ahmad telah mengatur beberapa lokasi yang

berikut:

- Rumah Kebajikan Warga Emas Nur Ehsan di Kempas, Johor Bahru
- Masjid Kota Iskandar, Nusajaya dan Dewan Negeri Johor
- Masjid Pasir Pelangi dan Makam Mahmoodiah sempena majlis ba-
- Hospital Sultan Ismail Johor Bahru, Hospital Kanser Wilayah Selatan dan Hospital Permai Johor Bahru
- Osman Goat Farm



MASJID PUTRA

LAWATAN SAMBIL BELAJAR PELAJAR TADIKALITTLE CALIPH

2 Mac - 400 orang pelajar Tadika Islam Little Caliphs yang berusia 4 hingga 6 tahun hadir ke Masjid Putra. Mereka menjalankan aktiviti amali wuduk, solat sunat dhuha berje-



maah dan bersedekah. Anak-anak yang hadir adalah dari cawangan francais di Puchong dan Shah Alam, Selangor.

SOLAT SUNAT GERHANA & AKTIVITI CERAPAN GERHANA MATAHARI DI MASJID PUTRA

9 Mac - Lebih 500 umat Islam menunaikan solat sunat gerhana yang dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) di Masjid Putra, Putrajaya di sini pagi ini.



Pengarah Jakim, Datuk Othman Mohamad.

Solat sunat itu yang diadakan pada pukul 8 pagi diimamkan oleh Imam Masjid Putra, Luqman Mohamad Hosni kemudiannya diikuti dengan khutbah gerhana.

Yang hadir sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom dan Ketua

Fenomena gerhana matahari separa itu bermula pada pukul 7.24 pagi sehingga pukul 9.30 pagi ini.

Selain solat sunat gerhana turut diadakan aktiviti cerapan untuk orang awam dengan kerjasama Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (Jupem).

MASJID TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN

JALINAN MAHABBAAH

19 - 20 Mac - Warga kerja MTMZA turun padang menziarahi masyarakat orang asli di Kg. Sungai Klah, Perak.



SEMINAR PENGUBATAN ISLAM

23 Mac - 350 orang dari kalangan penjawat awam dan orang perseorangan telah menghadiri Seminar Pengubatan Islam di MTMZA.



EKSPERDANA MTMZA

31 Mac - Ekspo yang mendapat sambutan ramai ini disertai seramai 1,000 orang dari kalangan jemaah termasuk jempunan para pelajar, masyarakat setempat dan luar Putrajaya.

